

## Unsur-Unsur Ketamadunan Baghdad

*Elements of Civilization of Baghdad*

Yusri Mohamad Ramli\*

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author: [yusri\\_mr@ukm.edu.my](mailto:yusri_mr@ukm.edu.my)

---

### Article history

Received: 2022-09-26    Received in revised form: 2023-03-28    Accepted: 2023-03-28    Published online: 2023-10-31

### Abstract

Baghdad was once an important city and pride for Muslims. It was also a symbol of prosperity and human advancement. This achievement happened in the period of what scholars call the golden age of Islam. Through content, historical and conceptual analyses of data collected via library research, this qualitative study attempts to identify and describe the essential elements in Baghdad during that period that triggered its achievement. Such elements identified are the strength of religiosity, the utilization of diverse cultures and traditions, military strength, infrastructure development, economic growth, human capital management, and the advancement of knowledge. This discussion sheds significant light on human civilization's current and future development.

*Keywords:* Abbasid, Baghdad, civilization, Islamic golden age.

### Abstrak

Baghdad pernah menjadi sebuah kota penting dan kebanggaan umat Islam. Ia juga merupakan simbol kemakmuran dan kemajuan umat manusia. Pencapaian ini berlaku pada zaman yang digelar oleh para pengkaji sebagai Zaman Keemasan Islam. Melalui analisis kandungan, sejarah dan konseptual terhadap data-data yang dikumpul secara kepustakaan, kajian kualitatif ini cuba mengenalpasti dan menghurai unsur-unsur penting yang terdapat di Baghdad pada zaman tersebut yang menjadi sebab pencapaiannya. Unsur-Unsur tersebut yang dikenalpasti ialah kekuatan beragama, pemanfaatan pelbagai budaya dan tradisi, kekuatan ketenteraan, pembangunan prasarana, kemajuan ekonomi, pengurusan modal insan, dan perkembangan ilmu pengetahuan. Perbincangan ini memberi pedoman penting ke arah pembangunan tamadun manusia pada masa kini dan mendatang.

*Kata kunci:* Abbasiyah, Baghdad, tamadun, zaman keemasan Islam.

## 1.0 SEJARAH AWAL BAGHDAD

Sebelum kedatangan Islam, Baghdad yang ketika itu belum menjadi sebuah kota merupakan sebahagian daripada kawasan dalam ‘Iraq yang mengharungi pelbagai peradaban manusia meliputi zaman Mesopotamia yang menyaksikan penguasaan pelbagai kuasa besar seperti Sumer, Akkadia (2334-2154SM), Assyria (2025-1366 6SM) dan Babylonia (1894-SM) dan kembali diambil oleh Assyria (911-606SM) dan sekali lagi oleh Babylonia (626-539SM) serta kemudiannya oleh Media (615-549SM). Ia kemudiannya menyaksikan kegemilangan kerajaan Parsi melalui pelbagai dinasti termasuk Achaemenid (539-330SM), Seleucid (312-63SM), dan Parthian (247SM-224M) sehingga kemudiannya dikuasai oleh Rom (198-637M). Zaman berikutnya pula, kerajaan Parsi Sassanid (224-637) mengambil alih sehinggalah kedatangan orang-orang Islam yang mengalahkan kerajaan Parsi pimpinan raja terakhirnya Yazdegerd III. Raja-raja Sassanid kemudiannya mlarikan diri ke Timur dan menjadi raja dalam buangan (al-Tabari, 1968 Jil. 2: 37-234).

Usaha penguasaan oleh umat Islam terhadap wilayah Iraq bermula sejak zaman Khulafa al-Rashidin khususnya semasa pemerintahan Sayyiduna Abu Bakr al-Siddiq (r.a.) (573-634) yang memerintah antara tahun 632 hingga 634. Sementara Sayyiduna ‘Umar al-Khattab (r.a.) (583-644) yang memerintah antara tahun 634 hingga 644 melakukan penaklukan kali kedua melalui beberapa siri peperangan termasuk Qadisiyyah dan Nihawand sehingga akhirnya berjaya menguasai Iraq dan menjatuhkan kerajaan Parsi Sassanid serta membuka (menguasai) beberapa kota di Persia termasuk Madain, Kufah, Basrah, Tikrit, Hamadan, Ahwaz, Ray, Jurjan, Tabaristan, Azerbaijan dan lain-lain lagi (Ibn Khayyat, 1985: 100-156; al-Baladhuri, 1916 Jil. 1: 269-301 & Jil. 2; al-Tabari, 1969-1970 Jil. 3-4).

Ketika tentera-tentera Sayyiduna ‘Umar telah membuka al-Sawad, mereka berkata kepada ‘Umar al-Khattab: “Bahagikanlah tanah antara kami”. Namun, beliau enggan. Mereka berkata: “Kita membukanya dengan kekerasan (perang)”. Beliau berkata: “Maka apa lagi yang tinggal bagi orang Islam yang datang selepas kamu? Aku takut kamu akan melakukan kebinasaan antara kamu terhadap air (kesuburan tanah), dan aku takut kamu akan berbunuhan”. Maka Umar mengekalkan penduduk asal terhadap tanah mereka dan mengenakan ke atas mereka jizyah dan ke atas tanah mereka al-kharaj dan tidak membahagi antara orang Islam (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 297-305).

Bahkan tindakan Sayyiduna ‘Umar (r.a.) yang tidak membahagi tanah sebagai habuan kepada kaum Muslimin dan sebaliknya sekadar mentadbirnya dengan mengenakan cukai sahaja mempengaruhi pandangan sebahagian ulama Fiqah pada Abad Pertengahan untuk menegah sebarang jual beli tanah di Baghdad atas alasan ia adalah tanah *al-Sawad* yang tidak sah untuk dijual beli (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 293). Walau bagaimanapun, hukum tersebut menurut sebahagian yang lain tidak lagi terpakai sejak tahun 145H iaitu ketikamana Abu Ja’far al-Mansur membina dan membangunkannya serta tinggal di sana dan diikuti ramai orang lain yang datang dari pelbagai tempat (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 296). Perbahasan mengenai hukum jual beli tanah telah menjadi suatu perbincangan penting pada zaman tersebut bagi kalangan ahli Fiqh (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 305-318).

Selepas zaman Khulafa al-Rashidin, Iraq kemudiannya berada di bawah kekuasaan Khilafah Bani Umayyah sehinggalah ia ditumbangkan oleh Gerakan Abbasiyyah. Kerajaan Abbasiyyah terbina hasil daripada revolusi bersenjata oleh Gerakan Abbasiyyah yang terdiri daripada pelbagai kelompok masyarakat yang dipimpin oleh keturunan al-‘Abbas serta disokong oleh golongan Arab dan Parsi, pengikut Sunnah dan Syiah, Muslim dan juga bukan Muslim dari pelbagai kaum dan lapisan masyarakat. Khalifah pertamanya ialah Abu al-‘Abbas al-Saffah yang memerintah dari tahun 750–754M, diikuti Abu Ja’far al-Mansur (754–775), al-Mahdi (775–785), al-Hadi (785–786),

Harun al-Rashid (786–809), al-Amin (809–813), al-Ma'mun (813–833) dan seterusnya sehingga seinggalah serangan tentera Tartar Mongol pimpinan Hulagu Khan pada tahun 1258M yang menyebabkan kekuasaan Khilafah berpindah ke Mesir membentuk kerajaan Mamluk (1250–1517) (Ibn Khayyat, 1985: 100–480; Ibn Qutaybah, 1904; al-Baladhuri, 1996, 1916 Jil. 1: 387–456; al-Tabari, 1969–1976 Jil. 3–11).

Al-Khatib al-Baghdadi (2001 Jil. 1: 323–324) menjelaskan bahawa Bagdad pada zaman sebelum kedatangan orang-orang Islam merupakan sebuah kampung kecil yang menjadi pusat tumpuan para pedagang dan mempunyai sebuah pasar yang besar yang menjual pelbagai hasil pertanian. Pada awal pemerintahan 'Abbasiyah, pusat pentadbiran kerajaan adalah di kota Kufah. Namun, ketidakstabilan politik semasa serta kedudukannya yang agak dekat dengan musuh serta mudah diserang menyebabkan kerajaan Abbasiyah pimpinan Abu Ja'far al-Mansur yang dilantik sejak 136H memerlukan kawasan baru untuk dijadikan pusat pentadbirannya (al-Khatib al-Baghdadi 2001 Jil. 1: 375). Beliau akhirnya menemui sebuah tapak yang merupakan kawasan kebun milik penduduk-penduduk kampung sekitarnya (al-Baladhuri, 1916 Jil. 1: 458; Le Strange, 1900: 4–14).

Kota Bagdad diasaskan oleh Abu Ja'far al-Mansur pada tahun 145 Hijrah bersamaan 762 Masihi dan selesai dibina pada tahun berikutnya iaitu 146H dan memindahkan pentadbiran pada tahun tersebut dari Kufah ke Bagdad. Ia kemudiannya dibina penambahan bangunan di dalamnya sehingga selesai pada tahun 147M (al-Baladhuri, 1916 Jil. 1: 457; al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 375–378). Kedudukannya yang terletak di tebing sungai Dijlah (Tigris) serta tidak jauh dari utara kota penting dalam sejarah sebelumnya iaitu Taysafun (Ctesiphon) (kini sebahagian daripada bandar al-Mada'in) yang merupakan pusat pemerintahan kerajaan Parsi Parthian (247SM–224M) dan Sassanid (224–651M) serta kota Babil (Babylon) yang merupakan pusat pemerintahan kerajaan-kerajaan sebelumnya, menjadikannya sebagai lokasi yang sangat strategik sehingga menjadi kawasan pilihan sebagai pusat pentadbiran terpenting Khilafah Abbasiyah. Bahkan menurut al-Khatib al-Baghdadi (2001 Jil. 1: 319–320), ulama terdahulu termasuk al-Ya'qubi (1861: 4–28) melihat kedudukan Bagdad sebagai tempat paling tengah dari sudut iklimnya berbanding tempat-tempat lain sekaligus sebagai tempat yang terbaik dengan penduduknya yang mempunyai kulit berwarna seimbang dengan tidak terlalu gelap atau terlalu cerah serta fizikal yang besar. Malah, ia juga agak jauh dari ancaman politik serta didiami oleh kalangan rakyat terbaik dari seluruh kota-kota lain yang hebat dari sudut akhlak, kebijaksanaan, ilmu dan kebaikannya.

Bagdad terletak di wilayah yang disebut sebagai Iraq. Ia dinamakan Iraq yang bermaksud tanah rendah kerana kedudukan tanahnya yang lebih rendah daripada laut dan juga daripada tanah di Najd di Hijaz (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 320). Ia juga digelar oleh orang Arab sebagai *al-Sawad* yang bermaksud tanah yang hitam bagi menggambarkan tanah pamah dari jenis gambut yang subur dan terletak dalam kawasan delta antara sungai Dijlah (Tigris) dan Furat (Euphrates). Al-Khatib al-Baghdadi (2001 Jil. 1: 303; 321) merekodkan bahawa ia dinamakan *al-Sawad* kerana orang Arab ketika datang ke sini telah melihat tamar, pohon dan airnya berwarna kehitaman seumpama malam dan berkata: Apakah nama tempat yang hitam ini?

Bagdad pula merupakan perkataan dalam bahasa Parsi. Ia juga kadang kala disebut sebagai Baghdaz, Baghdan dan Maghdan. 'Bagh' merupakan istilah yang dirujuk oleh masyarakat Parsi pada masa itu kepada tuhan atau berhala sembahannya mereka. Sementara 'Dad' bermaksud hadiah atau pemberian. Justeru, Bagdad bermaksud kota yang dihadiahkan tuhan. Ia dikatakan sebagai kawasan yang dihadiahkan oleh tuhan kepada kisra/raja Parsi semasa ia mula didiami. Terdapat juga pandangan lain yang mentafsirkannya sebagai hadiah raja, namun semasa pembukaan kota ini oleh Abu Ja'far al-Mansur, para fuqaha dan ulama tidak berkenaan dengan penamaan tersebut yang dihubungkait dengan kepercayaan orang Majusi. Oleh itu al-Mansur menamakannya sebagai 'Madinat al-Salam' sempena nama gelaran sungai Dijlah iaitu Wadi al-Salam atau *Qasr al-Salam*.

Perkataan Bagh juga mempunyai maksud yang lain iaitu kebun atau taman. Dikatakan juga semasa al-Mansur ingin membuka kota ini, terdapat seorang penduduk bernama *Daz* yang mempunyai sebuah kebun, lalu dikatakan tempat itu sebagai Baghdaz yang bermaksud kebun *Daz* (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 364-369, 375-376). Walaupun *Madinat al-Salam* merupakan nama rasmi bagi kota ini, namun nama Baghdad lebih popular dalam penggunaan masyarakat awam.

## 2.0 ZAMAN KEEMASAN ISLAM

Istilah Zaman Keemasan dari sudut penggunaannya berasal daripada istilah bahasa Inggeris, *Golden Age* yang mula digunakan sekitar abad ke-19 dalam tulisan-tulisan tentang sejarah Islam oleh para Orientalis seperti Josias Leslie Porter (1823–1889) (1868: xlix) yang menggunakannya bagi menggambarkan zaman pembinaan masjid dan bangunan yang indah di Damascus.

Takrifan tentang Zaman Keemasan Islam adalah pelbagai dari sudut kriteria dan jangka masanya. Dari sudut kriterianya, ada yang melihat kepada pembangunan peradaban meliputi ketinggian akhlak dan kemajuan budaya, perluasan kuasa dan wilayah, dan sebagainya. Dari sudut jangka masa pula, ada yang melihat ia berlaku pada zaman Rasulullah (s.a.w.), juga zaman Khulafa al-Rashidin, mahupun zaman kerajaan Abbasiyyah. Namun tren terkini memperlihatkan penggunaannya lebih khusus kepada zaman perkembangan tamadun, kekuatan politik dan ekonomi, serta kemajuan ilmu pengetahuan dan kebudayaan semasa pemerintahan kerajaan Abbasiyah antara kurun ke-9 hingga ke-11 Masihi. Ia juga kadang kala diperluaskan dari kurun ke-8 hingga kurun ke-17 Masihi atau diperkhususkan kemuncaknya pada zaman pemerintahan Harun al-Rashid (786-809M) dan al-Ma'mun (813-833) (Saliba, 1994; George, 1998; Gregorian, 2003; Arshad Khan, 2003: 19).

Pusat pemerintahan utama sekaligus pusat peradaban pada zaman Abbasiyyah itu tidak lain ialah Baghdad. Kegemilangan Baghdad tidak hanya baru disedari dan diungkap oleh para pengkaji terkemudian pada masa kini, ia telah pun mendapat nama dan kemasyhuran pada zaman tersebut. Malah, boleh juga dikatakan sebelum munculnya kota Baghdad itu sendiri. Ini dibuktikan dengan pelbagai catatan doa dan pujian oleh Rasulullah (s.a.w.), para Sahabat dan ahli sejarah. Dalam satu hadith yang dikeluarkan oleh al-Khatib al-Baghdadi (2001 Jil. 1: 321) dan Ibn ‘Asakir (1995 Jil. 1: 138), Rasulullah (s.a.w.) bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya bapaku Ibrahim (a.s.) hendak mendoakan ke atas mereka (penduduk Iraq), Maka Allah mewahyukan untuk tidak berbuat demikian kerana Aku (Allah telah menjadikan khazanah ilmuKu pada mereka dan aku tenangkan hati mereka dengan rahmat”.

Bahkan Rasulullah (s.a.w) sendiri direkodkan memuji al-Saffah, al-Mansur dan al-Mahdi dengan katanya yang bermaksud: “Dari kalangan kami (umat Islam) al-Saffah, al-Mansur dan al-Mahdi” (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 369-374). Manakala Sayyiduna ‘Umar al-Khattab direkodkan berkata yang maksudnya: “Penduduk Iraq adalah harta keimanan, tengkorak kepala orang Arab dan lembing Allah yang memelihara lembah mereka dan membangunkan kota-kota” (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 322). Manakala Imam al-Shafi’i juga memuji Baghdad dengan katanya kepada Yunus bin ‘Abd al-A’la yang bermaksud: “Wahai Abu Musa, adakah kamu pernah pergi ke Baghdad? Aku berkata: “Tidak”. Beliau berkata: “(Justeru), kamu tidak melihat dunia! (lafaz yang lain: kamu tidak melihat manusia!) (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 292, 346-347). Kata-kata yang seumpamanya juga diriwayatkan oleh Abu al-Walid (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 346). Bahkan Imam al-Shafi’i juga menyebutkan yang maksudnya: “Tidak aku masuk ke sesuatu negeri melainkan ia ku anggap sebagai tempat permusafiran, kecuali Baghdad yang ketikamana aku memasukinya, aku anggap seumpama negeriku sendiri” (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 347-348).

Ahmad bin Abi Tahir pula menyatakan yang maksudnya: “Dunia seluruhnya adalah *badiyah* (luar bandar), Baghdad adalah *hadirah* (bandar)” (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 347). Abu al-Qasim Bazyash bin al-Hasan al-Daylami pula berkata yang bermaksud: “Aku telah mengembara banyak dari Samarkand ke Qayruwan serta dari Sarandib (Sri Lanka) ke Rum, aku tidak dapat negeri yang lebih baik daripada Baghdad. Mu’idh al-Dawlah yang memerintah antara 945 dan 967M berkata kepadaku: “Kamu telah merantau ke banyak negeri, maka, manalah yang paling baik? Aku menjawab: Wahai *al-Hajib*, jika kamu keluar daripada Iraq, maka dunia seluruhnya hanyalah kawasan perkampungan (luar bandar)” (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 352). Manakala Abu al-‘Ula al-Ma’arri berkata kepada Abu al-Qasim ‘Ubayd Allah bin ‘Ali al-Raqi dengan maksudnya: “Wahai Abu al-Qasim, ini adalah negeri yang hebat, tidak aku perhatikan semasa kamu ada di sini melainkan penduduk yang hebat yang tidak aku temui sebelum ini” (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 352-353).

Pujian-pujian juga diberikan terhadap Sungai Dijlah dan Furat. Ini termasuklah hadith-hadith Nabi (s.a.w.) riwayat Abu Hurayrah (r.a.) yang bermaksud: “Dua sungai berasal dari Syurga iaitu Nil dan Furat”; “Empat sungai terpancur dari Syurga: Furat, Nil, Sayhan dan Jayhan”; “Nil, Furat, Dijlah, Sayhan dan Jayhan dari dari sungai-sungai Syurga” (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 358-359). Dan banyak lagi puji-pujian yang direkodkan sama ada daripada Nabi (s.a.w.), para Sahabat, Tabi’in dan generasi kemudiannya mengenai Baghdad serta Sungai Dijlah dan Furat (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 346-363).

Namun, dalam pelbagai pujian terhadap Baghdad, tidak kurang juga terdapat pelampauan sehingga wujudnya pandangan yang disandarkan kepada Nabi (s.a.w.) (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 325-332; 338-343). Antaranya ialah sebuah hadith palsu yang sering digunakan untuk mengagumi Baghdad yang bermaksud: “Akan dibina satu bandar antara sungai Dijlah dan Dujayl, serta Qutrubbul dan al-Sarah. Ia menghasilkan khazanah dari tanahnya dan juga orang-orang yang besar dan hebat. Ia mempunyai emas daripada besi yang paling banyak di bumi yang memberikan kesenangan”. Kepsuan hadith tersebut dan yang seumpamanya dijelaskan oleh al-Khatib al-Baghdadi (2001 Jil. 1: 332-337; 343-346) yang menghimpun pelbagai pandangan ulama mengenainya.

Di sebalik reputasi dan kemasyhuran Baghdad, terdapat juga kritikan yang dilemparkan terhadap kota metropolitan ini. Antaranya ialah pandangan para ahli sufi yang berpandangan sedikit pesimistik terhadap Baghdad. Antaranya Sufyan al-Thawri (716-778) yang mengumpamakan ahli ibadat di Badghdad seumpama orang yang beribadat di dalam semak. Manakala ‘Abd Allah ibn al-Mubarak (726-797) yang menyetujui hal ini pula melihat Baghdad sebagai tempat para pembesar dan bukan tempat para zuhhad. Al-Fudayl bin ‘Iyad (w. 803) melihat orang-orang di Baghdad terlalu sibuk sehingga beliau tidak nampak orang bersembahyang dan beliau menyifatkan seburuk-buruk penduduknya adalah *muaazzin*nya. Oleh itu beliau melarang umat Islam bermukim di kota Baghdad ini dan menyuruh mereka keluar daripadanya. Ini turut diikuti oleh Bishr bin al-Harith al-Hafi (767-850) yang juga melarang bermukim di kota ini, menegaskan bahawa ia tempat menyesakkan bagi orang-orang bertakwa, bahkan mengumpamakan orang yang bermukim di kota ini umpama memakan bangkai. Imam Ahmad bin Hanbal (780-855) yang tinggal di Baghdad pula memberikan zakat bagi rumahnya dan menggesa hukum pembelian tanah mengikut fatwa ‘Umar al-Khattab. Beliau juga ketika ditanya oleh muridnya tentang sifat wara’ menyatakan bahawa ia tidak layak berbicara mengenainya kerana ia pernah makan hasil daripada Baghdad dan mencadangkan agar ditanya Bishr al-Hafi yang tidak pernah memakan apa-apa daripada Baghdad mahupun Iraq (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 293-296). Apa yang dapat disimpulkan, kritikan para sufi lebih terarah kepada suasana bandar besar yang hiruk pikuk dan penuh dengan manusia

pelbagai ragam tidak sesuai dengan perjalanan kerohanian bagi mendidik hati supaya menjadi tenang dan tenteram.

Di samping itu juga, terdapat sebuah hadith melalui pelbagai lafaz yang merujuk Iraq sebagai tempat yang akan berlakunya kurun Syaitan. Hadith tersebut bermaksud: Nabi (s.a.w.) bersabda: “Ya Allah, berkatilah bagi kamu kota Madinah kami, Mekah kami, Sham kami dan Yaman kami”. Berkata seorang lelaki: “Bagaimana dengan Iraq kami? Jawab Nabi (s.a.w.): “Di sana akan berlaku kegoncangan dan fitnah serta daripadanya lahir kurun syaitan” (Ibn ‘Asakir, 1995 Jil. 1: 130-139). Hadith sebegini sering digunakan oleh penyokong kerajaan Umawiyah dan penduduk Sham bagi menggambarkan keutamaan kerajaan Umawiyah, Sham dan Dimashq dan juga keburukan kerajaan Abbasiyyah, Iraq dan Baghdad. Dalam salah satu lafaz lain bagi hadith tersebut yang diriwayatkan oleh Mu’adh bin Jabal, soalan lelaki tersebut tidak dijawab oleh Nabi (s.a.w.) dan Baginda hanya berdiam diri dan kemudiannya ia bertanya lagi pada hari kesokan dan berikutnya namun tidak juga mendapat jawapan daripada Baginda sehingga beliau menangis dan ditanya oleh Rasulullah (s.a.w.) adakah ia berasal dari Iraq. Lelaki tersebut mengiyakkannya dan Rasulullah (s.a.w.) bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya bapaku Ibrahim (a.s.) hendak mendoakan ke atas mereka (penduduk Iraq), Maka Allah mewahyukan untuk tidak berbuat demikian kerana Aku (Allah telah menjadikan khazanah ilmuKu pada mereka dan aku tenangkan hati mereka dengan rahmat” (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 321; Ibn ‘Asakir, 1995 Jil. 1: 138).

Kemercuan Baghdad sebagai kota besar dan penting pastinya dipacu melalui perancangan rapi dan pengurusan yang cekap sehingga ia dianggap sebagai simbol bagi kemuncak zaman keemasan Islam. Namun, apakah perkara-perkara yang mencirikan Baghdad sehingga ia dianggap sedemikian? Bagi menjawab persoalan ini, penelitian secara kualitatif dilakukan dengan mengumpul data-data kepustakaan daripada catatan-catatan sejarawan tentang Baghdad. Data-data tersebut dianalisis melalui kaedah analisis kandungan, analisis sejarah dan analisis konseptual bagi mengenalpasti dan menghurai unsur-unsur penting yang menjadi asas kepada pencapaian ketamadunan Baghdad.

### **3.0 UNSUR-UNSUR PENTING KETAMADUNAN BAGHDAD**

Kegemilangan Baghdad berpaksi daripada pembangunan ruhaniah dan lahiriah. Asas-asas utama yang membentuk kegemilangan tersebut ialah agama yang berpaksi kepada al-Quran dan al-Sunnah, kepelbagaiannya budaya dan tradisi, kekuatan ketenteraan, pembangunan prasarana, kemajuan ekonomi, pengurusan modal insan dan perkembangan ilmu pengetahuan.

#### **3.1 Kekuatan Beragama**

Teras paling utama bagi pembangunan Baghdad adalah kekuatan dalam beragama yang bertunjangkan asas al-Quran dan al-Sunnah. Ini dibuktikan melalui pembinaan kota Baghdad itu sendiri yang berdasarkan model kota Madinah dari sudut intipatinya yang mengutamakan Masjid dan diikuti pusat pentadbiran serta kediaman dan premis perniagaan (Negoita, 2011). Sifat Khalifah yang amat mengambil berat mengenai agama, mengutamakan pendidikan agama, menghormati dan menyanjungi para ulama juga menjadi dasar dalam pembentukan budaya hidup dan sosial penduduk Baghdad. Masjid dibina dengan indah dan diimarahkan dengan baik di samping pusat-pusat pengajian yang aktif dan yang terpenting pada zamannya. Malah dari aspek perundangan juga, syariah Islam dijadikan dasar utama yang dipimpin oleh para fuqaha.

Malah penduduk Baghdad dikenali sebagai orang yang sangat berakhhlak dan berbudi pekerti mulia. Al-Khatib al-Baghdadi (2001 Jil. 1: 347-348) merekodkan bahawa Ibn ‘Aishah berkata yang maksudnya: “Tidak aku lihat yang lebih baik dalam bersopan dengan hadith lebih daripada ahli Hadith di Baghdad”. Abu ‘Ulayyah juga berkata yang maksudnya: “Tidak aku lihat satu kaum yang

lebih cerdik dalam mempelajari Hadith daripada penduduk Baghdad". Sufyan bin 'Uyaynah berkata yang bermaksud; "Pemuda Baghdad lebih bersemangat daripada pemuda Basrah dan Kufah".

Amalan Islam yang kuat di Baghdad digambarkan oleh Abu Bakr bin 'Iyash dengan kata-katanya yang bermaksud: "Islam ada di Baghdad. Ia adalah buruan yang perlu diburu oleh manusia. Sesiapa yang tidak melihatnya, maka ia tidak melihat dunia". Sementara Abu Mu'awiyah berkata yang bermaksud: "Ia (Baghdad) adalah negeri Dunia dan Akhirat (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 349). Begitu juga al-Qadi Abu al-Qasim 'Ali bin al-Mahsan al-Tanukhi berkata yang maksudnya: "Dikatakan bahawa daripada keindahan Islam (yang dapat diperhatikan pada umat Islam) ialah solat Jumaat di Baghdad, Solat Tarawih di Mekah dan Hari raya di Tarasus. Aku berkata bahawa sesiapa yang hadir solat Jumaat di Madinat al-Salam akan merasa kagum terhadap Islam di dalam hatinya kerana para Sheikh kamu berkata: "Hari Jumaat di Baghdad seumpama Hari Raya di negeri-negeri lain" (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 349-350). Bahkan Diriwayatkan bahawa seorang salih berkata yang bermaksud: "Aku hendak berpindah dari Baghdad ke negeri lain, maka semasa tidur aku bermimpi di dalam tidur dan mendengar suara: "Adakah kamu hendak berpindah dari negeri yang mempunyai 10 ribu wali Allah? Maka aku tidak jadi untuk berpindah" (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 350).

Abu al-Husayn Ahmad bin Ja'far ibn al-Munadi berkata: "(Nama) Baghdad digunakan (kembali) semasa Madinat al-Salam diduduki manusia. Tiada kota di dunia ini yang lebih tinggi daripada nama (Baghdad) ini. Ramai rakan-rakan kita apabila menyebut mengenai Baghdad mengaitkannya dengan firman Allah dalam al-Quran (Surah Saba' 34:15) yang bermaksud: "(Negerimu adalah) negeri yang baik dan (Tuhanmu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun". Ini selaras dengan segala perincian mengenai Baghdad yang dimuliakan Allah dari segala kota yang lain di dunia sama ada Timur atau Barat merangkumi akhlak yang mulia, kelakuan yang direddai, air yang lazat dan melimpah ruah, buah-buahan yang banyak dan elok, pemandangan yang cantik, mahir dalam segala bidang, mencukupi segala keperluan, aman dari segala bid'ah, meriah dengan para ulama dan pengkaji ilmu, juga para fuqaha dan pengkaji Fiqah, tokoh-tokoh Mutakallimun, pakar Matematik dan Tatabahasa, para penyair, perawi sejarah dan nasb serta seni-seni sastera, dengan kehadiran segala orang-orang mulia, perhimpunan segala hasil zaman dalam satu zaman. Tidak terdapat seumpamanya dalam mana-mana negeri di dunia melainkan engannya (Baghdad)..." (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 354).

### **3.2 Pemanfaatan Pelbagai Budaya dan Tradisi**

Satu ciri utama yang menjadikan Baghdad dan kerajaan 'Abbasiyah adalah ia memanfaatkan keupayaan yang wujud dari pelbagai agama, bangsa, budaya dan tradisi. Tambahan pula, pendekatan Bani Umayyah sebelum itu yang lebih cenderung untuk melakukan pengaraban terhadap masyarakat pelbagai budaya, agama, kaum (al-Baladhuri, 1916 Jil. 1: 465-466) menyebabkan pendekatan Abbasiyyah yang menghargai perbezaan dan kepelbagaiannya dianggap sebagai satu perubahan yang besar. Hasilnya umat pelbagai agama dan bangsa sama-sama membangunkan Baghdad dan berkhidmat kepada negara.

Baghdad pada zaman Abbasiyyah mempunyai penduduk berbilang agama termasuk Islam, Majusi, Kristian, Yahudi, Sabaiyyun, Hindu, Buddha dan sebagainya. Penduduk Baghdad juga terdiri daripada pelbagai kaum merangkumi Arab, Parsi, Qibti, Syria, Yahudi, India, Cina dan pelbagai bangsa, kaum dan etnik yang lain. Bani Abbas walaupun mengangkat Bahasa Arab dan agama Islam sebagai bahasa dan agama utama, namun meraikan dan menyesuaikan dengan pelbagai tradisi agama dan budaya kaum.

Ini dapat dilihat bahawa ramai kalangan penduduknya dari pelbagai bangsa, agama dan keturunan yang menjawat jawatan serta memainkan peranan yang penting kepada Baghdad. Antara golongan

Parsi yang menjawat jawatan terpenting ialah Keluarga Baramikah (Barmakiyan/Barmakids) berasal daripada kaum Parsi beragama Majusi menjadi penasihat dan menteri utama kerajaan Abbasiyyah. Keluarga ini kemudiannya memeluk Islam setelah penguasaan Islam ke atas wilayah Parsi. Keluarga ini dikenali sebagai Baramikah dari perkataan Sanskrit pramukha yang bermaksud ketua pentadbir kerana terkenal sebagai pentadbir yang hebat. Mereka juga menjadi penyelia kepada jurubina Baghdad. Antara tokoh terpenting ialah Khalid bin Barmak yang menjadi penasihat dan menteri kewangan kepada *al-Saffah* dan *al-Mansur*, anaknya Yahya bin Khalid yang menjadi penasihat al-Mahdi dan Harun al-Rashid, anaknya Ja'far bin Yahya al-Barmaki yang menjadi penasihat kepada Harun al-Rashid serta anaknya al-Fadl bin Ja'far yang menjadi jeneral tentera. Mereka menjawat pelbagai jawatan penting termasuk menteri, gabenor dan sebagainya di samping bertindak membawa pelbagai tokoh berkepakaran dan berkemahiran dari pelbagai tempat khusus dari India untuk menetap dan berkhidmat di Baghdad. Begitu juga Nawbakht Ahwazi dan anaknya yang merupakan pakar dalam bidang astrologi dan astronomi. Nawbakht menjadi penentu dan pengatur masa dalam pembinaan Baghdad (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 375). Manakala keluarga Bukhtishu' termasuk anak dan keturunannya, Jibril I, Jurjis I, Bukhtishu' II, Jibril II, Bukhtishu' III, Yuhanna, 'Ubayd Allah dan Jibril III juga memainkan peranan penting khususnya sebagai doktor perubatan.

Tokoh-tokoh lain berbangsa Parsi termasuklah keluarga Banu Musa iaitu Musa ibn Shakir Khorasani dan tiga anaknya, Abu Ja'far Muhammad ibn Musa, Abu al-Qasim Ahmad ibn Musa, dan al-Hasan ibn Musa. Musa yang rapat dengan Khalifah al-Ma'mun sewaktu menjadi gabenor di Khurasan telah dilantik menjadi penasihat astronomi Abbasiyyah. Manakala, setelah kematianya, anak-anaknya kemudiannya diberi peranan sebagai penterjemah dan penyelidik di Bayt al-Hikmah dengan menterjemah karya-karya dari bahasa Greek ke dalam bahasa Arab di samping menghasilkan pelbagai karya-karya penting. Malah ramai tokoh pemikir dan sarjana di Baghdad berbangsa Parsi termasuk al-Dinawari (828–896), Ibn Miskawayh (932–1030), Abu Hamid al-Ghazali (1058–1111) dan sebagainya.

Tokoh-tokoh dari kalangan orang Yahudi juga tidak kurang pentingnya ini termasuklah Abu al-Barakat Hibat Allah ibn Malka al-Baghdadi (1080–1165), Sa'd ibn Mansur Izz al-Dawlah Ibn Kammuna (w. 1284), Yuhanna ibn Sarabiyun. Demikian juga dari kalangan Kristian khususnya dari aliran Nestorian dan Jacobite seperti Hunayn bin Ishaq dan anaknya, Ishaq bin Hunayn yang memimpin Bayt al-Hikmah dalam menjalankan penterjemahan dan penyelidikan, serta Yuhanna ibn Haylan, Abu Bishr Matta ibn Yunus al-Qunna'i, Yahya ibn 'Adi, Ibn Jazla Ibn Butlan dan ramai lagi. Begitu juga etnik Mandean dan yang beragama Sabian/Sabi'ah seperti Thabit ibn Qurra dan anaknya, Sinan ibn Thabit (880–943) serta anaknya Ibrahim ibn Sinan. Sinan merupakan seorang ahli perubatan yang mula-mula mewujudkan hospital bergerak untuk perkhidmatan di kawasan pedalaman.

Sebahagian daripada mereka bukan Muslim ini ada yang memeluk Islam dan ada yang kekal dalam agama mereka. Walaupun berbeza agama, budaya dan tradisi, kesemuanya menyumbang kepada pembangunan Baghdad.

### **3.3 Kekuatan Ketenteraan**

Kerajaan Abbasiyyah sebagaimana lazimnya bagi kerajaan-kerajaan zaman Abad Pertengahan, mementingkan aspek keselamatan daripada musuh-musuh yang aktif dalam meningkatkan penguasaan dan perluasan wilayah. Oleh itu, kerajaan Abbasiyyah telah membina kubu atau kota tentera di sekitar Baghdad sebagai kota penampakan.

Ini termasuklah kota al-Rusafah di Timur Baghdad yakni di sebelah timur sungai Dijlah yang juga dikenali sebagai Askar al-Mahdi kerana menjadi tempat tinggal dan bertugas bagi al-Mahdi dan

para tenteranya sebelum menjadi khalifah. Al-Rusafah menjadi kota pertahanan kepada Baghdad di sebelah Timur dan ia berkembang bersebelahan sehingga menyatu bersama kota Baghdad (al-Baladhuri, 1916 Jil. 1: 457-458; al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 393-394).

Demikian juga kota Samarra yang dibina oleh Khalifah al-Mu'tasim sebagai kota pertahanan dan penampakan di utara Baghdad. Di kota ini, kebanyakan penduduknya ialah para askar dan panglima perang dengan masing-masing disediakan rumah disamping dibina sebuah masjid. Masjid tersebut kemudiannya digantikan oleh Khalifah al-Mutawakkil dengan sebuah masjid lebih besar berserta menara yang tinggi. Al-Mu'tasim bahkan pernah memindahkan ibu kota Abbasiyah ke sini sebelum kemudiannya dikembalikan oleh Khalifah al-Mutawakkil ke Baghdad. Namun, ia kekal menjadi antara kota penting bagi kerajaan Abbasiyah sehingga pertengahan kurun ke-10 (al-Baladhuri, 1916 Jil. 1: 460-461).

Malah, pengawal-pengawal ditempatkan di semua pintu masuk kota bagi menjaga keselemanan penduduk (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 436-438). Abbasiyah berjaya mengawal suasana politik dengan cara diplomasi dengan pelbagai pihak berlainan agama, budaya, bahasa dan keturunan. Ia mempunyai pakar-pakar politik dan strategi yang mampu menjaga kestabilan dan keutuhan kerajaan dan wilayahnya.

### **3.4 Pembangunan Prasarana**

Ketika al-Mansur mahu membina Baghdad, beliau mengumpulkan segala jurutera, ahli ilmu, tukang kebun dan landskap, serta pekerja buruh binaan, tukang kimpal dan sebagainya dengan mengiklankannya kepada pelbagai negeri dan kota sehingga akhirnya menghimpunkan beribu-ribu pekerja. Sementara masa dan waktu pembinaanya ditentukan oleh pakar Astrologi, Nawbakht Ahwazi (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 375-378) sementara penyelia kerja-kerja pembinaan adalah para menteri dari golongan Baramikah.

Kota Baghdad yang dibina oleh Abu Ja'far al-Mansur berdasarkan contoh daripada kota al-Madinah al-Munawwarah dan juga unsur-unsur daripada tradisi kota-kota lain. Pedoman Madinah ini dapat dilihat dengan kedudukan istana atau pusat pentadbiran kerajaan dan masjid di tengah-tengah serta kawasan penduduk dan premis perniagaan yang berdekatan. Kota Baghdad yang dibina berbentuk bulatan juga mendapat pengaruh daripada tradisi Parsi sebelumnya khususnya kota Gour (Firuzabad), Hatra dan Ectabana (Hamadan) (Creswell, 1958; Negoita, 2011: 114-115)

Kota asal Baghdad semasa dibina oleh Abu Ja'far al-Mansur mempunyai 130 seksyen dengan 30 seksyen meliputi kawasan parit dan tembok. Ia mempunyai empat pintu masuk iaitu Bab al-Kufah, Bab al-Sham, Bab al-Basrah dan Bab Khurasan yang kesemuanya menuju ke istana khalifah yang bernama al-Khuld dan terletak di tengah-tengah kota yang jelas kelihatan dengan kubah besar berwarna hijau yang menjadi simbol utama kepada Baghdad serta kerajaan Abbasiyyah (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 378-389). Al-Mansur juga membina jambatan-jambatan merentasi sungai dan terusan serta dua masjid dengan salah satunya yang merupakan yang paling utama adalah bersebelahan dengan istananya, (al-Baladhuri 1916 Jil. 1: 458).

Infrastruktur di Baghdad dianggap yang paling lengkap di dunia pada zamannya yang merangkumi istana (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 416-424), pejabat kerajaan (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 424-427), masjid-masjid utama (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 427-431) dan sebagainya di samping mempunyai sistem sungai yang sempurna (al-Khatib al-Baghdadi 2001 Jil. 1: 431-436). Di samping sungai, Baghdad juga mendapat sumber air daripada mata-mata air yang terdapat di sekitarnya (al-Baladhuri, 1916 Jil. 1: 462-463). Demikian juga pokok dan tanaman yang dipelihara dengan baik (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 438-442). Pusat bandar Baghdad menjadi kediaman khalifah dan keluarganya, para pembesar, tentera, sahabat dan pegawai kerajaan. Ia didiami oleh al-

Mansur, al-Mahdi, Harun al-Rashid dan al-Ma'mun sehingga kemudiannya al-Ma'mun menukar pusat pemerintahan ke al-Raqqah pada seketika waktu sebelum kembali semula ke Baghdad (al-Baladhuri, 1916 Jil. 1: 458-459).

Pembangunan tidak hanya tertumpu di Baghdad sahaja, bahkan kerajaan Abbasiyyah turut membangunkan bandar-bandar lain yang turut sama mencapai kegemilangan seperti di Baghdad. Ini termasuklah Rusafah (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 393-394), Basrah, Kufah, Isfahan, Hamadan, Nishapur, Dimashq, al-Raqqah, Samarra, Ahwaz, Shiraz, Ray, Tus, Samarkand, Kaherah, Tabriz, Bukhara dan sebagainya yang menjadi bandar satelit kepada Baghdad (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 451-458).

### **3.5 Kemajuan Ekonomi**

Pada asalnya, kawasan perdagangan dan perniagaan ditempatkan di dalam pusat kota Baghdad. Namun setelah mendapat nasihat daripada Raja Byzantine Rom yang melawat Baghdad yang melihat bahaya daripada kecurian dan pengintip yang mudah menyusup masuk ke dalam kota, Khalifah Abu Ja'far al-Mansur memindahkan pusat perdagangan ke luar daripada pusat kota Baghdad dan hanya mengekalkan premis perniagaan asas dan kecil sahaja di dalam kota (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 390-393).

Ia digerakkan pada tahun 157H bersamaan 773/4M, dengan pembinaan pusat perdagangan al-Karkh di sebelah timur Baghdad yang terletak berdekatan sungai Dijlah. Ia dibina dengan dibiayai sepenuhnya oleh Khalifah al-Mansur sendiri. Laluan jalan juga dibina dengan lebih besar bagi melancarkan pergerakan. Pembinaan kawasan perdagangan al-Karkh adalah sangat tersusun dengan ukuran yang khusus. Ini ditandai dengan penentuan kadar kandang bagi ternakan yang dihadkan hanya 40 kubik persegi atau 60 kaki persegi. Malah, Khalifah al-Mansur melarang mana-mana penternak atau peniaga yang mengubahsuai dan menambah kawasan melebihi had ukuran yang ditetapkan. Di samping itu, bagi mengawal keselamatan al-Karkh, sebuah kubu bernama al-Khuld dibina di tebing sungai Dijlah. Sebuah masjid turut dibina bagi kemudahan para pedagang untuk menunaikan solat termasuk solat Jumaat (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 390-393).

Al-Karkh menjadi pusat perdagangan pesat dan penting yang menghubungkan antara Timur dan Barat melalui jalan darat atau melalui sungai Dijlah. Barang yang dijual termasuklah produk mentah dan yang diproses seperti kambing kibash, kambing biri-biri, daging kambing, daging lembu, minyak sapi, tamar, zaytun, madu, susu, mentega, dan sebagainya (al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 1: 379-381).

### **3.6 Pembangunan Modal Insan**

Catatan sejarah menunjukkan bahawa usaha penghijrahan sumber manusia ke Baghdad diterajui sendiri oleh Khalifah yang menjemput tokoh-tokoh ternama untuk berhijrah ke bandar yang baru dibangunkannya itu. Ini termasuklah tokoh sejarah, Ibn Ishaq yang dijemput olehnya sewaktu Baginda ke Madinah. Oleh itu, Baghdad akhirnya menempatkan pelbagai kepakaran dan kemahiran yang terbaik di dunia. Ini selaras dengan keterangan al-Ya'qubi (1861: 4) yang melihat Baghdad sebagai terletak di tengah dunia dan di tengah Iraq dan merupakan bandar yang besar yang tiada sebandingnya sama ada di timur atau barat dari sudut keluasannya, kebesarannya, kemakmurannya, sumber airnya, iklimnya. Ini katanya adalah kerana ia dihuni oleh manusia terbaik di dunia pada zaman tersebut dari pelbagai kota-kota lain di samping kurniaan dua sungai utamanya iaitu Dijlah dan Furat.

Dengan ramainya segala pakar dan cerdik pandai dan pekerja mahir tinggal di Baghdad, maka generasi yang hidup dan berkembang di Baghdad adalah daripada generasi yang terhebat di dunia

pada zaman tersebut. Ibn Sa'd (784-845) (2001, Jil. 9: 323-368) menyenaraikan 165 nama berserta biografi ringkas tokoh-tokoh penting di Baghdad khususnya ahli Fiqah dan Hadith yang menetap dan meninggal di sana sebelum dan semasa hayat Ibn Sa'd. Antaranya Ibn Ishaq (704-761), Abu Hanifah (702-772), Abu Yusuf Ya'qub al-Qadi (735-798) dan Bishr bin al-Harith al-Hafi (767-850).

Sementara al-Khatib al-Baghdadi (2001, Jil. 2-16) yang hidup antara 1002 hingga 1071M menambah lebih banyak lagi bilangan tersebut dan memperincikan riwayat hidup sebanyak 7783 individu daripada kalangan pemimpin, orang ternama, pembesar, para qadi, ahli Fiqah, ahli Hadith, para qari, para zuhhad dan salihin, ahli sastera dan syair yang mempunyai kaitan dengan Baghdad sama ada lahir, menetap atau meninggal di sana. Al-Khatib al-Baghdadi (2001 Jil. 1: 442-450) juga merekodkan perkuburan yang terdapat di Baghdad pada zamannya bagi para ulama dan Zuhhad yang dikebumikan di sana.

Baghdad merupakan pusat ilmu yang menghimpunkan tokoh-tokoh yang mahir dalam pelbagai bidang termasuk Sejarah, Fiqh, Hadith, Tafsir, Akidah, Tasawwuf, Falsafah, Arkeologi, Perubatan, Kimia, Optik, Matematik, Sosiologi, Astronomi, Perbandingan Agama dan lain-lain yang berasal, pernah tinggal atau meninggal dunia di Baghdad (Ibn Sa'd, 2001; al-Khatib al-Baghdadi, 2001 Jil. 2; Ibn Abi Usaibi'ah, 1995).

Ini termasuklah tokoh-tokoh sejarah seperti Ibn Ishaq (704-761), al-Waqidi (w. 823), Ibn Hisham (w. 835), Ibn Sa'd (w. 845), Ibn Qutaybah (w. 889), al-Baladhuri (w. 892), al-Ya'qubi (w. 900), Ibn Fadlan (w. 922), 'Ali al-Mas'udi (896-956), Ibn al-Nadim (w. 998), Al-Khatib al-Baghdadi (w. 1071), Ibn al-Jawzi (1116-1201), Ibn al-Athir (1160-1233), 'Abd al-Latif al-Baghdadi (1162-1231) dan lain-lain.

Begitu juga tokoh-tokoh Fiqh seperti Imam Abu Hanifah (702-772), Qadi Abu Yusuf Ya'qub (w. 798), anaknya Yusuf bin Ya'qub, Ibn Rajab al-Hanbali (736-795), Imam al-Shafi'i (767-820), Imam Ahmad ibn Hanbal (780-855), al-Mawardi (972-1058), Abu Ishaq al-Shirazi (1003-1083), Ibn Qudamah (1147-1223) dan lain-lain.

Tokoh-tokoh Hadith pula termasuk al-Bukhari (810-870), Muslim (815-875), Abu Dawud (817-889), al-Tirmidhi (824-892), Ibn Majah (824-889), al-Nasa'i (829 – 915) dan lain-lain. Sementara tokoh-tokoh Tafsir merangkumi Muhammad ibn Jarir al-Tabari (838-923), al-Zamakhshari (1074-1144), Fakhr al-Din al-Razi (1149-1209) dan lain-lain.

Manakala tokoh-tokoh Tasawwuf meliputi Ja'far al-Sadiq (700-765), Musa al-Kazim (745-799), 'Ali al-Rida (765-818), Bishr bin al-Harith al-Hafi (767-850), Muhammad al-Jawwad (811-835), 'Ali al-Hadi (829-868), al-Junayd al-Baghdadi (835-911), al-Husayn bin Mansur al-Hallaj (858-922), al-Qushayri (986-1072), 'Abd al-Qadir al-Jilani (1078-1166) dan ramai lagi.

Tokoh-tokoh Akidah di Baghdad merangkumi Abu al-Hudhayl al-'Allaf (752-841), Ibn Sayyar al-Nazzam (775-845), Abu 'Ali al-Jubba'i (w. 915), Abu al-Hasan al-Asy'ari (874-936), Abu Hamid al-Ghazali (1058-1111) dan lain-lain. Tidak kurang juga tokoh-tokoh Perbandingan Agama seperti Hisham al-Kalbi (w. 819), al-Biruni (973-1048), al-Shahrastani (1086-1153) dan lain-lain.

Baghdad turut menjadi pusat melahirkan tokoh-tokoh besar Falsafah seperti al-Kindi (801-873), Ibn Miskawayh, al-Farabi (872-951) dan ramai lagi. Begitu juga tokoh Perubatan seperti Ibrahim ibn Baks (w. 1003), Ibn Sina (980-1037) dan Ibn Abi Usaibi'ah (1203-1270) dan tokoh Kimia seperti Muhammad ibn Zakariyya al-Razi (854-925). Manakala tokoh matematik seperti Al-Khawarizmi (780-850), Al-Buzjani (940-998), Nasir al-Din al-Tusi (1201-1274) dan ramai lagi. Manakala tokoh Optik termasuk Jabir ibn Hayyan (721-815), Ibn al-Haytham (965-1040) dan 'Ali ibn 'Isa (kurun ke-11).

Sementara bidang Astronomi pula ialah Ibrahim al-Fazari (w. 777), anaknya Muhammad ibn Ibrahim al-Fazari (w. 806), al-Farghani (800-870), al-Battani (858-929), Abu Hamid Ahmad al-Saghani al-Asturlabi (w. 990), al-Badi al-Asturlabi (w. 1140) dan lain-lain. Malah tidak kurang juga tokoh shatranj (catur) seperti Abu Bakr bin Yahya al-Suli (w. 946). Demikian juga tokoh-tokoh bahasa dan sastera seperti Sibawayh (760–796), al-Jahiz (776-869), al-Mubarrad (826-898), Fairuzabadi (1329–1414) dan ramai lagi sarjana dalam pelbagai bidang.

Apa yang dapat disimpulkan, kebanyakan sarjana Muslim yang berpengaruh yang dikenali pada hari ini adalah dari Baghdad. Bahkan kepakaran mereka bahkan tidak terhad kepada satu-satu bidang semata-mata, bahkan bersifat polimatik yang mahir dalam pelbagai bidang. Malah, hampir kesemua disiplin ilmu menjadi kukuh sebagai suatu disiplin pada zaman ini dengan kekuatan tokoh-tokoh utama setiap disiplinnya yang mana ketokohan mereka tidak dapat ditandingi pada hari kemudiannya.

### **3.7 Perkembangan Ilmu Pengetahuan**

Walaupun tidak menafikan perkembangan ilmu berkembang baik semasa zaman Umawiyah, namun zaman Abbasiyah menyaksikan perkembangan pesat ilmu pengetahuan. Ini kerana Umawiyah lebih mementingkan politik, pengaruh, ketenteraan dan perluasan wilayah. Manakala Abbasiyah lebih mementingkan ilmu pengetahuan, kemakmuran, modal insan, kekayaan, pembangunan dan kemajuan. Kedatangan Islam sejak zaman Nabi (s.a.w.) pada asasnya telah mengembangkan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat sehingga berkembangnya pelbagai disiplin ilmu khususnya yang berkait dengan agama. Namun ia mengalami perkembangan pesat pada Zaman Keemasan Islam ini hasil pemindahan ilmu pengetahuan daripada luar khususnya dari Yunani serta India, Parsi dan sebagainya dari pelbagai wilayah, tradisi dan peradaban ke dalam masyarakat Muslim (termasuk bukan Muslim) khususnya di Baghdad sehingga ia kemudiannya dikembangkan manfaatnya secara teoretikal dan praktikal. Asas utama yang mencetuskan perkembangan ilmu pengetahuan ialah gerakan penterjemahan.

Gerakan penterjemahan telah pun dimulakan sejak zaman Bani Umayyah khususnya semasa zaman Khalid bin Yazid (w. 704M) yang menggerakkan usaha penterjemahan karya-karya astronomi, perubatan dan kimia daripada Yunani ke dalam bahasa Arab (al-Jahiz 1998; Ibn al-Nadim 2009). Namun ia menjadi suatu gerakan yang tersusun dan besar-besaran semasa zaman kerajaan Abbasiyah. Ia bermula dengan usaha Abu Ja'far al-Mansur dan khalifah-khalifah berikutnya, namun memuncak sewaktu zaman al-Ma'mun yang menubuhkan Bayt al-Hikmah sebagai pusat penterjemahan, penyelidikan dan pengajian tersohor bagi Khilafah Abbasiyah (Ibn Abi Usaybi'ah, 1995; 'Abd al-Halim Mahmud, 1964: 255-262).

Sikap para khalifah yang mencintai dan mementingkan ilmu pengetahuan dan penyediaan institusi ilmu termasuk madrasah, universiti, perpustakaan dan pusat penyelidikan telah menggalakkan pengajian dan pengkajian ilmu sehingga berkembangnya pengetahuan dan mencapai kedudukan sebagai pusat ilmu di dunia. Ini selaras dengan keterangan T.J. de Boer (1903: 95) yang menyimpulkan gambaran mengenai manusia terbaik secara ideal dan moral yang diungkapkan oleh kumpulan pemikir Ikhwan al-Safa (1869: 88-97) sebagai:

Berasal usul (keturunan) dari Parsi Timur, percaya seperti orang Arab, berpendidikan di 'Iraq yakni Babylonian (Baghdad), cerdik seperti orang Yahudi, berkelakuan seperti pengikut Nabi Isa (a.s.), soleh seperti rahib Syria, seperti seorang Yunani dalam sains tulen, seperti seorang India dalam mentafsir segala misteri, dan yang terakhir dan terpenting seorang Sufi dalam seluruh kehidupan rohaninya.

## 4.0 KESIMPULAN

Kegemilangan Baghdad yang menjadi pusat kepada Zaman Keemasan Islam berpaksi pada pembangunan rohaniah dan lahiriah. Ia bersumberkan ajaran Islam di samping menghargai tradisi setempat dan luar yang memberi manfaat kepada Baghdad termasuk ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh daripada modal insan yang terhebat yang dibawa untuk menetap dan berkhidmat di Baghdad. Ini disokong dengan kekuatan politik dan ketenteraan, kemampuan ekonomi, pembangunan infrastuktur serta perkembangan ilmu pengetahuan.

Kemercuan Baghdad telah memberikan sumbangan kepada dunia dalam mencitrakan etos sebuah bandar yang maju dan madani berdasarkan kepada unsur-unsur tersebut yang digarap secara bersepadau dan menyeluruh. Justeru tidak menghairankan Baghdad menjadi nadi kepada perkembangan kerajaan Abbasiyah sehingga menarik para pemimpin kerajaan luar untuk membina hubungan, para pedagang dari seluruh dunia untuk meluaskan perniagaan, dan para cerdik pandai dalam pelbagai bidang untuk mengembangkan pengetahuan. Ini selaras dengan kenyataan Philip K. Hitti (1970: 297-298) bahawa keunggulan politik dan intelektual menjadikan Baghdad sebagai kota terbaik dunia pada zamannya. Keunggulan Baghdad tidak hanya sebagai sebuah kota bahkan sebagai sebuah peradaban yang memberi impak kepada pembentukan peradaban lain khususnya Eropah.

Sejarah kegemilangan Baghdad ini dapat menjadi pedoman dalam membentuk peradaban pada masa kini dan akan datang supaya menjadikan tamadun manusia bersifat holistik merangkumi aspek spiritual dan material. Unsur-unsur yang membentuk ketamaduan Baghdad adalah perkara-perkara yang senantiasa kekal penting dalam pembangunan bandar dan negara serta peradaban manusia.

Melalui kekuatan agama yang cemerlang berpaksi kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah di samping menghargai kepelbagaian budaya dan tradisi, sesebuah bandar dan peradaban dapat membangun dengan seimbang antara kepatuhan kepada agama dan meraikan perbezaan sehingga dapat menyatupadukan masyarakat bagi menumpu usaha untuk mencapai kemajuan. Kekuatan sebuah negara dan tamadun juga tidak hanya kerana kestabilan politik dan pertahanan semata-mata, bahkan ia perlu diimbangi dengan penyediaan prasarana dan pertumbuhan ekonomi yang memberi kemudahan dan keselesaan kepada rakyat. Demikian juga pemerkasaan modal insan melalui pelbagai bakat dan kemahiran juga perlu dipacu bersama dengan perkembangan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang secara teori dan aplikasi. Unsur-unsur ini yang menjadi asas ketamadunan Baghdad seharusnya diteladani oleh generasi masa kini dan mendatang untuk membangunkan negara yang maju dan peradaban yang tinggi.

## Penghargaan

Sekalung penghargaan diberikan kepada Sohibus Samahah Mufti Terengganu Dato' Dr. Mohamad Sabri Haron dan Puan Maznah Haji Ibrahim atas segala komentar dan cadangan yang diberikan semasa penghasilan draf penulisan ini.

## Senarai Rujukan

*Al-Quran al-Karim.*

*Al-Quran dan terjemahannya.* (1998). Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li al-Tiba'at al-Mushaf al-Sharif.

'Abd al-Halim Mahmud. (1964). *Tarikh al-Tafsir al-Falsafi fi al-Islam.* Kaherah: al-Anjalu al-Misriyyah.

al-Baladhuri, Ahmad bin Yahya bin Jabir. (1916). *Kitab al-Futuh al-Buldan: the Origins of the Islamic State.* Terj. Philip Khuri Hitti. 1-2. New York: Columbia University.

- al-Baladhuri, Ahmad bin Yahya bin Jabir. (1996). *Kitab al-Jumal min Ansab al-Ashraf*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Jahiz. (1998). *Al-Bayan wa al-Tabyin*. Ed. Ke-7. Kaherah: Maktabah al-Khanji
- al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad bin ‘Ali bin Thabit. (2001). *Tarikh Madinat al-Salam wa Akhbar Mubaddithihā wa Dhikr Quttanihā al-‘Ulāma min ghayr Ahlīhā wa Waridihā (Tarikh Bagdad)*. Sunt. Bashar ‘Awar Ma’ruf. Jil. 1-12. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- al-Tabari, Abu Ja’far Muhammad ibn Jarir. (1968-1976). *Tarikh al-Tabari/Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*. Sunt. Muhamad Abu al-Fadl Ibrahim. 2, 1-11. Kaherah: Dar al-Ma’arif bi Misr & Beirut: Dar Suwaydan.
- al-Ya’qubi, Ahmad ibn Abi Ya’qub. (1861). *Kitab al-Buldan*. Sunt. T.G.J. Juynboll. Leiden: E.J. Brill.
- Arshad Khan. (2003). *Islam, Muslims, and America: Understanding the Basis of Their Conflict*. New York: Algora Publishing.
- Creswell, K. A. C. (1958). *A Short Account of Early Muslim Architecture*. Harmondsworth: Penguin Books.
- De Boer, Tjitzé J. (1903). *The History of Philosophy in Islam*. Terj. Edward R. Jones. London: Luza & Co.
- George, Linda S. (1998). *The Golden Age of Islam*. Salt Lake City: Benchmark Books.
- Gregorian, Vartan. (2003). *Islam: A Mosaic, Not a Monolith*. Washington D.C.: Brookings Institution Press.
- Hitti, Philip K. (1970). *History of the Arabs: From the Earliest Times to the Present*. 10. Basingstoke: Macmillan.
- Ibn ‘Asakir, Abu al-Qasim ‘Ali bin al-Hasan al-Shafi’i. (1995). *Tarikh Madinah Dimashq*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Abi Usaibi’ah, Ahmad bin Qasim al-Khazraji. (1995). *Uyun al-Anba fi Tabaqat al-Atibba*. Sunt. August Müller. Frankfurt: Ma’had Tarikh al-‘Ulum al-‘Arabiyyah wa al-Islamiyyah, Universiti Goethe Frankfurt.
- Ibn al-Nadim, Muhammad bin Ishaq. (2009). *Kitab al-Fihrist*. London: al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Ibn Khayyat, Abu ‘Amr Khalifah al-Laythi al-‘Usfuri. (1985). *Tarikh Khalifah bin Khayyat*. Riyadh: Dar Tayyibah.
- Ibn Qutaybah, Abu Muhammad ‘Abd Allah bin Muslim. (1904). *Kitab al-Imamah wa al-Siyasah*. Kaherah: Matba’ah al-Nil.
- Ibn Sa’d, Muhammad bin Sa’d bin Mani’ al-Zuhri. (2001). *Al-Tabaqat al-Kabir*. Sunt. ‘Ali Muhammad ‘Umar. Kaherah: Al-Sharikat al-Duwaliiyah li al-Tiba’ah.
- Ikhwan al-Safa. (1869). *Ikhwanu-s Safa or Brothers of Purity*. Terj. John Dowson. London: Trübner & Co.
- Le Strange, Guy. (1900). *Baghdad during the Abbasid Caliphate from Contemporary Arabic and Persian Sources*. Oxford: Clarendon Press.
- Moscati, Sabatino. (2007). Abu Muslim Dlm. Kate Fleet, Gudrun Krämer, Denis Matringe, John Nawas & Everett Rowson. *The Encyclopaedia of Islam*, 1, 141. Edisi baharu. Leiden: E.J. Brill.
- Negoita, Ana Maria. (2011). *The City of Mansur the Builder: Baghdad between the Caliph’s Will and Shari’ah Norms*. International Relations 8(2), 111-126.
- Porter, Josias Leslie. (1868). *A Handbook for Travellers in Syria and Palestine*. Ed. baharu. London: John Murray.
- Saliba, George. (1994). *A History of Arabic Astronomy: Planetary Theories during the Golden Age of Islam*. New York: New York University Press.